



TEKS UCAPAN PERASMIAN

**YBHG. DATO' PADDY BIN ABD HALIM
KETUA PENGARAH KASTAM MALAYSIA**

**BERSEMPENA:
MAJLIS PERSARAAN
JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA
TAHUN 2019**

**TEMPAT:
DEWAN UTAMA
KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA**

**TARIKH:
26 APRIL 2019 | JUMAAT**

1. Terima kasih kepada Tuan / Puan Pengacara Majlis.
2. Bismillahi Rahmani Rahim.

Segala puji-pujian hanyalah kepada Allah S.W.T., tuhan sekalian alam.

Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Salam Bahagia dan Salam Sayangi Malaysiaku.

3. **YBhg. Dato' Azimah Binti Abd. Hamid,**

Timbalan Ketua Pengarah Kastam (Penguatkuasaan / Pematuhan),

YBhg. Dato' Dr. Zulkefli Bin Ibrahim,

Timbalan Ketua Pengarah Kastam (Pengurusan),

YBhg. Dato' Ahmad Maher Bin Abd. Jalil,

Penolong Ketua Pengarah Kastam (CDN) merangkap,

MTT Timbalan Ketua Pengarah Kastam (Perkastaman / CDN),

Penolong-Penolong Ketua Pengarah Kastam,

Pengarah-Pengarah Bahagian Ibu Pejabat, Operasi Zon dan Negeri,

Seterusnya Tuan-Tuan, Puan-Puan, seluruh warga jabatan serta para hadirin yang dihormati sekalian.

4. Alhamdulillah, bersyukur kehadrat Allah S.W.T. atas kurniaan nikmat kesihatan dan rahmat kelapangan yang telah mengizinkan kita untuk berkumpul dalam majlis yang serba indah ini bagi meraikan warga pesara dan bakal pesara Jabatan Kastam Diraja Malaysia.
5. Pertama-tamanya, selamat datang dan terima kasih saya zahirkan kepada seluruh hadirin yang sudi meluangkan masa untuk bersama-sama hadir bagi memeriahkan **“Majlis Persaraan Jabatan Kastam Diraja Malaysia Tahun 2019”** yang menjulang tema **“Jasamu Dikenang”**.
6. Sesungguhnya, selain bertujuan mengiktiraf jasa dan sumbangan semua warga Kastam yang diraikan, penganjuran majlis sebegini adalah signifikan dalam mengukuhkan jalinan ukhuwah persaudaraan sesama kita.
7. Kehadiran YBhg. dato'-dato', tuan-tuan dan puan-puan bukan sahaja telah menyerlahkan keserian majlis kita pada malam ini, malah bakal menyingkap nostalgia serta menyematkan kenangan yang terindah dalam lipatan sejarah jabatan.
8. Dikesempatan ini juga, saya merakamkan sekalung penghargaan kepada pasukan urus setia yang telah berganding bahu dalam menyusun perjalanan majlis ini dengan baik dan jayanya.

Hadirin Yang Dihormati Sekalian.

*Pulau Pandan Jauh Ke Tengah,
Gunung Daik Bercabang Tiga;
Hancur Badan Dikandung Tanah,
Budi Yang Baik Dikenang Juga.*

9. Sudah menjadi lumrah dalam kehidupan kita, setiap perkara yang bermula, pasti akan tiba penghujungnya.
10. Persaraan bukanlah suatu pengakhiran, malah merupakan suatu perubahan fasa baharu dalam meniti kehidupan setiap insan.
11. YBhg. dato'-dato', tuan-tuan dan puan-puan seharusnya berbesar hati dan berasa bangga kerana telah berjaya mengharungi onak duri dan menikmati kemanisan sepanjang menggalas amanah dalam perkhidmatan sebagai penjawat awam.
12. Komitmen dan usaha murni hadirin sekalian dalam menyampaikan amanah dengan cemerlang sepanjang perkhidmatan sewajarnya dikagumi dan boleh dijadikan teladan kepada seluruh warga Kastam.
13. Saya secara peribadi, mengucapkan terima kasih dan setinggi-tinggi tahniah kepada seluruh warga Kastam yang diraikan pada malam ini kerana telah berjaya menempa nama serta mengukir sejarah tersendiri berbekalkan Etika Perkhidmatan Kastam, **Amanah Berkhidmat, Ikhlas dan Dedikasi (A.B.I.D.)**.

14. Kita sedar, walaupun penganjuran majlis pada malam ini tidaklah sehebat jalinan budi dan anyaman jasa yang telah dicurahkan kepada jabatan dalam merancakkan pembangunan ekonomi negara, setidak-tidaknya saya berharap majlis ini akan kekal menjadi memori terindah kepada semua.
15. Sesungguhnya nilai pengorbanan dan komitmen tinggi yang ditonjolkan oleh YBhg. dato'-dato', tuan-tuan dan puan-puan adalah mencerminkan bukti taat dan setia yang tidak berbelah bahagi kepada jabatan serta ibu pertiwi tercinta.
16. Justeru, selepas ini, ambil masa dan berehatlah bersama keluarga tersayang, luangkan ruang dan peluang yang ada untuk melakukan aktiviti berfaedah secara bersama-sama.
17. Mudah-mudahan usaha murni, "**Berjasa Pada Nusa**" umpama seni kata yang sering dilaungkan dalam Lagu Kastam berupaya membangkitkan semangat juang serta menyematkan iltizam yang kukuh kepada seluruh warga Kastam untuk terus melangkah maju ke hadapan.

Hadirin Yang Dihormati Sekalian.

18. Mengakhiri ucapan saya pada majlis yang serba indah ini, kepada seluruh warga Kastam yang diraikan, sama ada yang telah atau bakal meninggalkan perkhidmatan dalam tahun 2019 ini, saya dengan penuh rasa takzim dan bangga sekali lagi mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas sumbangan ikhlas dan curahan bakti

yang telah dihulurkan sepanjang berkhidmat dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

19. Doa saya, mudah-mudahan YBhg. dato'-dato', tuan-tuan dan puan-puan memperolehi kehidupan yang sejahtera serta dilimpahi kesihatan yang berkekalan sepanjang melewati usia persaraan ini. Insya-Allah.
20. Saya percaya bahawa curahan jasa bakti serta hamparan budi pekerti oleh hadirin sekalian selama ini akan dikenang oleh seluruh warga jabatan dan menjadi memori dalam lipatan sejarah Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

*Akar Keladi Melilit Selasih,
Selasih Tumbuh Di Dalam Taman;
Junjungan Budi Sanjungan Kasih,
Mesra Kenangan Sepanjang Zaman.*

21. Akhir kata, dengan lafaz keramat, **Bismillahi Rahmani Rahim**, saya dengan sukacitanya merasmikan **“Majlis Persaraan Jabatan Kastam Diraja Malaysia Tahun 2019”**.
22. Selamat bersara dan selamat maju jaya.
23. Sekian, terima kasih.

**DATO' PADDY BIN ABD HALIM,
KETUA PENGARAH KASTAM MALAYSIA,
TARIKH: 26 APRIL 2019**